

MAHATHIR-LABUR  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR SEKALI LAGI MENYELAR ORANG-ORANG TERTENTU YANG SENGAJA MEMBERI +GAMBARAN BURUK+ MENGENAI MALAYSIA DENGAN TUJUAN MEROSAKKAN KEMAKMURAN NEGARA YANG MENINGKAT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SETENGAH ORANG INI ADALAH ORANG ASING YANG IRIHATI DENGAN KEJAYAAN MALAYSIA DAN ADA JUGA RAKYAT MALAYSIA YANG TERLIBAT DALAM PERBUATAN INI BAGI MEWAJARKAN SIKAP PERKAUMAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN KOLOKIUUM MENGENAI PERSPEKTIF PEMBANGUNAN MALAYSIA DI SINI HARI INI.

KATANYA, TERDAPAT SEORANG RAKYAT MALAYSIA YANG MENDAKWA 49 PERATUS DARI CUKAI PENDAPATAN NEGARA INI DIBAYAR OLEH KAUM CHINA DAN HANYA LIMA PERATUS MELAYU DAN KESEMUA PENDAPATAN KERAJAAN DIBELANJAKAN KE ATAS ORANG MELAYU.

TIDAK ADA SIKAP PERKAUMAN DALAM PENGENAAN CUKAI PENDAPATAN, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR, DAKWAAN BAHAWA KAUM CHINA MEMBAYAR 49 PERATUS DARI CUKAI PENDAPATAN BOLEH MEMBUKTIKAN BAHAWA 49 PERATUS DARI KEKAYAAN YANG DIDAPATI DI MALAYSIA DINIKMATI OLEH KAUM CHINA DAN HANYA LIMA PERATUS OLEH MELAYU. — BERSAMBUNG 1547/LK

2525

MAHATHIR-LABUR 2 KUALA LUMPUR

MENYEBUT SATU KEJADIAN LAIN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, ADA ORANG MALAYSIA LAIN MENYEBARKAN CERITA DI SEBERANG LAUT KONONNYA RAKYAT MALAYSIA DIHUKUM GANTUNG BERASAS-KAN KETURUNAN KAUM.

TAPI, UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR, ORANG INI TIDAK PERNAH MENJELASKAN KESALAHAN YANG DILAKUKAN OLEH PENJENAYAH INI ADALAH TERHADAP KAUMNYA SENDIRI DAN UNDANG-UNDANG TETAP MELINDUNGI KUMPULAN KAUM ITU.

BELIAU MENYATAKAN KERAJAAN MEMPUYAI BUKTI CUKUP UNTUK MENOLAK SEMUA DAKWAAN PERKAUMAN ITU DIARAHKAN TERHADAP KERAJAAN TETAPI KERAJAAN ADALAH DALAM KEADAAN +SERBA SALAH+.

KERAJAAN JUGA DIKRITIK OLEH EKSTREMIS BUMIPUTERA YANG SAMA MIRIP MEMUTARBELITKAN KENYATAAN, UJARNYA.

+JIKA KAMI MENUNJUKKAN FAKTA DAN ANGKA BAGI MEMBUKTIKAN BETAPA BERUNTUNGNYA BUKAN MELAYU TINGGAL DI NEGARA INI, MAKA KAMI AKAN DIKECAM OLEH BUMIPUTERA, + TAMBAHNYA,

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PUTARBELIT KENYATAAN INI SEMUANYA BERTUJUAN MENIMBULKAN SATU MACAM KEHAMPAAAN DI DALAM DAN LUAR NEGERI. — BERSAMBUNG 1551/LK

### MAHATHIR-LABUR 3 KUALA LUMPUR

+IKLIM PELABURAN YANG TELAH KITA PUPUK DENGAN BAIK, WALAUPUN MASIH CERAH, TELAH ROSAK SEDIKIT. PUTARBELIT KENYATAAN SEPERTI INI SETERUSNYA TENTU MEROSAKKAN IKLIM TERSEBUT, + KATA BELIAU.

BELIAU MENINGATKAN ADA PERKARA TERTENTU YANG DIANGGAP SENSITIF DAN MENINGATKAN +BERMAIN DENGANNYA BERERTI BERMAIN API.+ KERAJAAN, TEGASNYA, AKAN MENENTUKAN KESTABILAN MENERUSI APA CARA JUA PUN, TIDAK KIRA MENYENANGKAN ATAU TIDAK, DAN APA YANG DIKATA OLEH WARTAWAN ASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN MEMERLUKAN PELABURAN TETAPI TIDAKLAH PADA APA SAJA HARGA YANG DITETAPKAN.

+KAMI TIDAKLAH MAHU TERIKAT SEWENANG-WENANGNYA SEMATA-MATA KERANA HENDAKKAN IKLIM PELABURAN YANG BAIK, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN ADALAH SATU KESILAPAN JIKA ADA YANG BERHARAP DAPAT MENCAKUP KEISTIMEWAAN MELAMPAU DARI KERAJAAN DALAM MENTAFSIR DAN MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN. -- BERSAMBUNG 1557/LK

### MAHATHIR-LABUR 4 KUALA LUMPUR

+KAMI PERLUKAN PELABURAN BAGI MEMBANGUN NEGARA DAN MENDAPATKAN KEMAKMURAN EKONOMI DAN IMEJ YANG BAIK TETAPI JIKA NILAINYA JALAH MENGEKALKAN MASYARAKAT LAMA YANG TIDAK ADIL, MAKA INI KAMI TOLAK, + TEGAS TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR EKONOMI BARU AKAN KEKAL DAN TIDAK ADA CARA EKSPLOITASI EKONOMI CARA DULU AKAN DIBIARKAN BERULANG.

BELIAU MENYATAKAN KERAJAAN PERLU MENGAMBILKIRA PERANAN SWASTA DALAM MENCAPAI MATLAMAT RANCANGAN PEMBANGUNAN.

INI BUKANLAH SATU HAL YANG MUDAH, KATANYA, TETAPI DALAM TEMPOH BEBERAPA TAHUN INI TELAH DAPAT DIUJUDKAN SATU TOLAKANSUR YANG MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENENTUKAN MATLAMAT YANG HARUS DICAPAI OLEH SEKTOR SWASTA.

PERHUBUNGAN INI TIDAKLAH BEGITU MEMUASKAN +MALAHAN SELALU SAJA KERAJAAN TERPAKSA MEMUJUK KADANGKALA MENGENAKAN TEKANAN LEMBUT BAGI MENDORONG MEREKA MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKTOR SWASTA TELAH MENGAMBIL DAYAUSAHA MENKAJI ALIRAN DAN KEPERLUAN NEGARA DAN MEMBERIKAN PANDANGAN MEREKA TENTANG MATLAMAT DAN CARA HENDAK DICAPAI. -- BERNAMA 1611/LK